

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HLP 211 Asas Penulisan Skrip

Masa: [2 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LIMA (5) soalan dalam SATU (1) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bandingkan drama REMANG DI LORONG TUA oleh Othman Hj. Zainuddin dengan drama MUSUH RAKYAT oleh Henrik Ibsen dari segi plot atau perkembangan ceritanya.
2. Gambarkan sebuah adegan tentang krisis rumah tangga di antara ibu, bapa dan anak. Berdasarkan adegan ini hasilkan sinopsisnya, deskripsi watak-watak, subjek krisis dan resolusinya.
3. Tema drama yang bakal anda hasilkan ialah "Buat baik berpada-pada buat jahat jangan sekali". Berdasarkan tema ini hasilkan sebuah senario kasar.
4. Watak-watak di dalam sesebuah drama adalah manusia hidup yang berkulit, berambut dan berpakaian. Mereka mempunyai kemampuan untuk mengekalkan pertalian emosi yang kuat dengan penonton. Selaku penulis, apakah faktor yang harus diambilkira untuk menghasilkan watak-watak yang berkesan.
5. Plot klimatik dan plot episodik merupakan bentuk yang terdapat di dalam struktur drama. Setiap plot ini mempunyai ciri-ciri tersendiri. Nyatakan ciri-ciri persamaan dan perbezaan yang terdapat di dalam plot-plot ini.